

05/03/1997

Isu hak cipta masalah global

UNDANG-UNDANG hak cipta kini menjadi isu penting sejajar dengan perkembangan pesat dan perubahan yang berlaku dalam teknologi di samping pengaliran bebas maklumat dalam Internet.

Masyarakat Internet (Netizens) kini dianggap menjadi ancaman pada maklumat yang mana bertindak menyalin, berkongsi atau menghantar sebahagian daripada pangkalan data komersil.

Untuk mengatasi perompak digital itu, Persatuan Industri Maklumat (IIA) dan Pertubuhan Hak Cipta Intelektual Dunia sedang melobi untuk membentuk satu undang-undang yang membolehkan pangkalan data ditiru mengikut prosedur tertentu.

Di barat, isu itu menimbulkan "komunikasi panas" antara Kesatuan Eropah (EU) dan Amerika Syarikat (AS) yang mana AS kini bimbang dengan tindakan EU dalam menangani isu hak cipta.

EU terpaksa membuat draf yang menggunakan hak sui generis menjelang 1997 yang mana arahan itu hanya menawarkan penggal hak cipta selama 15 tahun tetapi tidak memberi perlindungan pangkalan data yang dimiliki oleh syarikat bukan EU yang kebanyakannya berpangkalan di AS.

Keadaan itu melahirkan kebimbangan kepada AS dan menganggap arahan itu membolehkan negara EU mengambil semua maklumat terdapat di pangkalan datanya.

Sui generis adalah konsep yang membolehkan kebebasan bersuara dan kebebasan persaingan dalam pasaran memansuhkan hak terhadap hak cipta berkenaan.

Ketegangan itu turut memberi kesedaran kepada institusi pendidikan yang mana satu garis panduan dicadangkan iaitu pendidik boleh menggunakan pengeluaran multimedia mereka yang sebahagiannya mengandungi bahan hak cipta yang boleh digunakan untuk pendidikan selama dua tahun selepas kali pertama digunakan.

Apabila digunakan selepas tempoh itu, ia memerlukan kebenaran bagi setiap bahagian hak cipta yang digunakan.

Menurut kumpulan pendidik itu, jawatankuasa yang ditubuhkan akan merancang mengatasi isu hak cipta lain yang lebih rumit bersama pembekal perkhidmatan dalam talian dan Internet (ISP).

Selain itu pihak terbabit dengan bahan seni seperti muzium, arkib dan sejarah yang meletakkan bahan mereka dalam talian juga mengambil langkah demikian untuk melindungi harta mereka dengan memperkenalkan tapak Web mereka, iaitu The Thinker.

Namun begitu, yang merisaukan artis dan syarikat perisian ialah Internet itu sendiri memandangkan ramai pengguna menganggap undang-undang hak cipta tidak membabitkan mereka.

Usaha melindungi hak cipta itu bukan saja melindungi artis malah pengguna itu sendiri sekiranya perniagaan mereka perlu dilesenkan.

Amerika Syarikat kini sedang berusaha terhadap hak cipta dalam talian antarabangsa yang membolehkan perlindungan bahan hak cipta dalam Web terutama dengan keadaan China yang sedang memasang talian telefon berkapasiti tinggi pada kadar 20 juta setahun.

Sekiranya lambat bertindak akan terbentuk syurga hak cipta yang besar di negara berkenaan.

Dalam ketegangan di barat, Malaysia sudah mengambil langkah awal dalam membentuk undang-undang hak cipta terutama undang-undang siber dalam pembentukan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Undang-undang siber yang akan dibentangkan di Parlimen nanti, akan melindungi hak cipta syarikat yang terbabit dalam MSC.

Keadaan itu, menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menggembirakan pelabur memandangkan undang-undang di negara ini mencukupi untuk mereka membentuk kejayaan di MSC.

Walaupun Malaysia melaksanakan undang-undang hak cipta itu, ia juga memerlukan kerjasama dengan negara lain bagi menghasilkan satu undang-undang hak cipta global untuk kepentingan bersama dalam industri teknologi maklumat (IT).

(END)